



## **LAWATAN KERJA YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE EADECO (FACTORY 2), PERSIARAN PERINDUSTRIAN KANTHAN 1, PERAK**

Pada 26 Julai 2019, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam rangka lawatannya ke negeri Perak telah melawat Eadeco (Factory 2), Persiaran Perindustrian Kanthan 1, Perak. Lawatan ini berikutan kolaborasi dari Syarikat Eastern Decorator dengan KPKT. KPKT telah mengambil satu inisiatif dengan memberi latihan untuk membantu para ibu dari Golongan B40 yang tinggal di kawasan Perumahan Rakyat Miskin Tegar (PPRT) dengan bantuan daripada Syarikat Eastern Decorator.



Pada peringkat permulaannya, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin telah menyuarakan idea tersebut dan berbincang dengan Pengurus Besar syarikat berkenaan supaya lebih kain perca tersebut dapat dijadikan produk disamping membantu memberikan sumber ekonomi kepada golongan B40. Cetusan idea beliau disambut baik oleh pihak Eastern Decorator.

Latihan untuk membantu para ibu dari Golongan B40 yang tinggal di kawasan Perumahan Rakyat Miskin Tegar (PPRT) telah dimulakan pada hari ini dengan melibatkan seramai 30 para ibu dari kawasan berhampiran. Latihan ini bermula jam 10 pagi dengan menyambung perca-perca tersebut untuk dijadikan produk.

Menerusi sidang media, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin menjelaskan kolaborasi bersama syarikat ini adalah salah satu tanggungjawab sosial yang mana pihak Eastern Decorator juga mahu membantu meningkatkan taraf hidup serta pendapatan B40. Malah Eastern Decorator turut akan mengembangkan projek mereka kepada projek perumahan disamping turut mengambil bahagian dalam sektor pembinaan rumah mampu milik di bawah KPKT yang menggabungkan program ekonomi dengan projek perumahan.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat